

Kelestarian Perakaunan Zakat di Malaysia Sustainability of Zakat Accounting in Malaysia

NURUL ILYANA MUHD ADNAN
ZAHRI HAMAT
NOOR IZZATI AB RAHMAN
AZLIN ALISA AHMAD

ABSTRAK

Kelestarian dalam perakaunan zakat yang sering dibahaskan di Malaysia melibatkan tiga isu. Pertama, kaedah perakaunan zakat pendapatan terhadap manfaat berupa barangan. Kedua, perniagaan yang memperoleh keuntungan tetapi modal kerja adalah negatif. Ketiga, kos tanaman dan kos sara hidup untuk pertanian komersial. Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis perakaunan zakat lestari yang diamalkan oleh institusi zakat serta pendapat para cendekiawan zakat terhadap perakaunan zakat lestari di Malaysia. Data kualitatif diperolehi daripada analisis dokumen dan temu bual separa struktur. Informan terdiri daripada cendekiawan zakat dan pengamal zakat. Data yang diperolehi dianalisis melalui analisis kandungan secara deduktif dan induktif. Dapatan analisis mempamerkan bahawa perakaunan zakat lestari diamalkan oleh institusi zakat di Malaysia. Pertama, peluasan kekayaan yang diwajibkan zakat. Kedua, penilaian kekayaan wajib zakat berdasarkan kekayaan bersih; dan ketiga, peranan niat dalam menentukan kekayaan wajib zakat. Perakaunan zakat lestari adalah berdasarkan pandangan cendekiawan zakat di Malaysia. Dihujahkan terdapat kesepakatan bahawa asas yang digunakan untuk membangunkan perakaunan zakat adalah titik rigid. Oleh itu, perakaunan zakat lestari akan terus digunakan bersesuaian dengan keperluan semasa dan keadaan setempat.

Kata kunci: Perakaunan zakat; lestari; peluasan kekayaan; kekayaan bersih; peranan niat

ABSTRACT

Sustainability in zakat accounting which is often debated in Malaysia involves three issues. First, the method of zakat accounting is income toward the benefits in kind. Second, a business earning profit but working capital is negative. Third, cost of crops and cost of living for commercial agriculture. This paper aims to identify and analyse sustainable zakat accounting practiced by zakat institutions and the opinions of zakat scholars on sustainable zakat accounting in Malaysia. Qualitative data were obtained from document analysis and semi-structured interviews. Informants consist of zakat scholars and zakat practitioners. The data obtained is analyzed through deductive and inductive content analysis. The analysis result showed that sustainable zakat accounting is practiced by the zakat institution in Malaysia. First, a wealth expansion is compulsory for zakat. Second, assessment of compulsory wealth for zakat based on net wealth; and third, the role of intent in determining the compulsory wealth of zakat. Sustainable zakat accounting is based on the views of zakat scholars in Malaysia. It is argued that there is a consensus that the fundamentals used to develop zakat accounting are rigid rats. Therefore, sustainable zakat accounting will continue to be used according to current needs and local conditions.

Keywords: Zakat accounting; sustainable; wealth expansion; net wealth; role of intent

PENDAHULUAN

Zakat adalah aspek penting dalam mengurus kekayaan dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ini kerana dalam kekayaan yang dimiliki itu terdapat hak atau bahagian ahli masyarakat khususnya bagi golongan fakir dan miskin. Namun yang lebih penting lagi ialah, kekayaan yang dimiliki oleh masyarakat Islam adalah perlu dibersihkan dan disucikan. Kaedah untuk membersihkan kekayaan tersebut ialah

dengan menunaikan zakat. Allah berfirman yang bermaksud:

Ambillah (sebahagian) daripada kekayaan (*amwal*) mereka menjadi sedekah (zakat), (supaya dengannya) engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, disebabkan sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

(*Surah al-Tawbah* 9: 103)

Kekayaan didefinisikan sebagai sesuatu yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan pada kebiasaannya. Walaupun kekayaan yang disebut dalam al-Qur'an adalah umum, namun jenis kekayaan yang diwajibkan zakat telahpun diterangkan oleh Rasulullah SAW melalui Sunnah (Yusuf al-Qaradawi, 1999). Kekayaan tersebut meliputi *al-'ayn*, iaitu emas dan perak; *al-tijarah*, iaitu perniagaan; *al-harth*, iaitu pertanian; *al-mashiyyah*, iaitu ternakan; dan *al-rikaz*, iaitu hasil bumi. Kaedah perakaunan zakat terhadap setiap jenis kekayaan tersebut turut telah ditentukan oleh Rasulullah SAW.

Definisi perakaunan zakat ialah menentukan kekayaan yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakat terhadap kekayaan tersebut, membuat taksiran zakat yang patut diwajibkan, memungut dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf serta menyediakan laporan kewangan (Zahri Hamat 2014). Kaedah perakaunan zakat tersebut bagaimanapun boleh berubah sekiranya suasana dan keperluan semasa berubah. Contohnya, kuda pada masa Rasulullah SAW dikecualikan daripada zakat. Pada masa Rasulullah SAW kuda digunakan hanya untuk peperangan dan pengangkutan. Sebaliknya, semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab kuda telah diternak secara komersial, maka kuda telah dikenakan zakat (Abu Ubayd, 1991). Khalifah Umar al-Khattab turut mewajibkan zakat terhadap kacang, buah zaitun, madu dan hasil laut yang tidak diwajibkan zakat sebelum itu.

Menilai semula kaedah perakaunan zakat seperti yang diamalkan oleh Khalifah Umar al-Khattab boleh digunakan sepanjang zaman. Dalam kata lain, inilah yang dikatakan kelestarian dalam perakaunan zakat. Bagaimanapun, perakaunan zakat terhadap semua kekayaan baharu perlulah diqiyaskan kepada salah satu daripada lima jenis harta yang telah ditentukan oleh para fuqaha, iaitu emas dan perak, perniagaan, pertanian, ternakan, dan hasil bumi. Antara kelestarian dalam perakaunan zakat yang sering dibahaskan di Malaysia melibatkan tiga isu. Pertama, kaedah perakaunan zakat pendapatan terhadap manfaat berupa barangan. Kedua, perniagaan yang memperolehi keuntungan tetapi modal kerja adalah negatif. Ketiga, kos tanaman dan kos sara hidup untuk pertanian komersial.

Usaha penyelarasan kaedah perakaunan zakat dimulakan dengan menerbitkan manual perakaunan zakat di Malaysia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2001 dengan judul *Panduan Zakat di Malaysia*. Manual ini diterbitkan semula oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

(JAWHAR) pada tahun 2008 dengan judul *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*.

Secara umumnya manual ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, menjelaskan kaedah perakaunan zakat yang berasaskan pendapatan atau penghasilan seperti zakat pendapatan gaji, hasil pertanian, hasil galian. Kedua, menjelaskan kaedah perakaunan zakat yang berasaskan aset fizikal atau barangan seperti zakat barangan perniagaan, emas dan perak, binatang ternakan, caruman berkanun serta saham dan bon. Namun tidak semua kaedah perakaunan yang dicadangkan dalam manual itu diamalkan oleh di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Malah tidak semua kekayaan yang patut dikenakan zakat yang dibahaskan dalam manual tersebut.

ZAKAT PENDAPATAN TERHADAP MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)

Pendapatan terhadap penggajian diwajibkan zakat diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 9 Disember 1992, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 22 Jun 1997 dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 7 Mei 2003. Zakat diwajibkan pada kadar 2.5 peratus ke atas pendapatan kasar setahun. *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*, menjelaskan maksud pendapatan seperti berikut:

Pendapatan merangkumi gaji bulanan, tunggakan gaji, pelbagai elaun seperti elaun kenderaan, makan dan mesyuarat serta lain-lain termasuk bonus atau sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian.

Keputusan fatwa di peringkat negeri turut menjelaskan apa yang dimaksudkan pendapatan. Fatwa Negeri Sarawak pada 23 November 1996 misalnya menyebut pendapatan meliputi gaji gaji, tunggakan gaji, pelbagai elaun dan lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan penggajian. Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 16 Mac 1999 menyebut pendapatan meliputi gaji pokok serta lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja. Maksud zakat pendapatan penggajian ini turut diterangkan dalam laman sesawang di institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan menerangkan maksud pendapatan lain gaji dan elaun, antaranya ialah dividen, sewaan, royalti, hibah, honorarium.

Dapatlah dirumuskan bahawa pendapatan penggajian meliputi apa-apa yang diterima berkaitan dengan penggajian. Ini termasuklah *lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja* (Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1999), *lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan penggajian* (Fatwa Negeri Sarawak 1996), *segala pendapatan yang diperoleh seseorang daripada majikannya hasil daripada usaha atau pekerjaan yang dilakukan untuk majikannya* (Pusat Zakat Pahang 2001), *pendapatan yang berkaitan dengan penggajian* (Zakat Pulau Pinang 2001) dan *lain-lain bentuk perolehan semasa hidup, bersara atau mati dan apa jua pendapatan berdasarkan kerjaya* (Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan 1999). Semua maksud tersebut dapatlah dirumuskan sebagai sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian (JAWHAR 2008). Dengan kata lain, apa jua yang diterima yang ada kaitannya dengan penggajian, maka terimaan diklasifikasikan sebagai pendapatan daripada penggajian.

Berdasarkan kenyataan itu, maka bolehlah dinyatakan bahawa MBB sebahagian daripada pendapatan penggajian. Hal ini disebabkan MBB disediakan oleh majikan kepada pekerja dan disebut secara nyata dalam kontrak pekerjaan masing-masing. Berikutan dengan itu, pandangan daripada cendekiawan zakat di Malaysia telah diteroka (Zahri Hamat & Nurul Ilyana Muhd Adnan 2017). Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, cendekiawan perakaunan zakat iaitu cendekiawan yang mengkaji tentang perakaunan zakat. Mereka terdiri daripada Dr. Ram Al-Jefri Saad dari Universiti Utara Malaysia, Dr. Wan Anisah Endut dari Universiti Sultan Zainal Abidin dan Dr. Irfan dari Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara. Kedua, cendekiawan fiqh zakat iaitu cendekiawan yang mengkaji tentang fiqh zakat. Mereka terdiri daripada Dr. Ridwan Nurdin dari Universiti Islam Negeri al-Raniry, Dr. Jasni Sulong dari Universiti Sains Malaysia dan Dr. Hasanah Abd. Khafidz dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Majoriti cendekiawan zakat berpendapat MBB sepatutnya diwajibkan zakat. Hal ini berdasarkan tiga prinsip berikut. Pertama adalah prinsip kekayaan; kedua adalah prinsip keadilan; dan ketiga adalah prinsip objektif Syariah. Prinsip kekayaan - sesuatu kekayaan itu boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu dalam bentuk harta fizikal seperti tanah, rumah, ternakan dan saham; dan dalam bentuk pendapatan seperti hasil pertanian, perniagaan dan

penggajian. Dalam bentuk pendapatan pula bukan sahaja meliputi pendapatan dalam bentuk kewangan, tetapi ia turut meliputi pendapatan bukan dalam bentuk kewangan. Seorang cendekiawan fiqh zakat berpendapat seperti berikut:

Pendapatan yang dikenakan zakat adalah pendapatan dalam bentuk wang dan juga aset atau harta seperti saham. Dalam konteks ini, *al-mulk al tam* menjadi syarat bagi menjadikan ia dikenakan zakat

Secara lebih spesifik, seorang cendekiawan perakaunan zakat contoh dalam bentuk kewangan iaitu manfaat. Beliau menyebut seperti berikut:

Zakat pendapatan dikenakan kepada semua bentuk pendapatan. Oleh sebab itu, ia bukan sahaja pendapatan dalam bentuk kewangan tetapi juga pendapatan bukan dalam bentuk kewangan seperti pelbagai kemudahan ataupun manfaat

Inilah yang disebut tentang kekayaan wajib zakat dalam al-Quran dan hadis. Dalam bentuk umum, al-Quran menyebut perkataan *sebahagian harta* (al-Taubah 9: 103) atau *harta-harta* (al-Dhariyat 51: 19). Dalam bentuk khusus pula, al-Quran menyebut harta-harta seperti emas dan perak (al-Taubah 9: 34), pendapatan pertanian (al-An'am 6: 141), pendapatan perniagaan dan hasil galian (al-Baqarah 2: 267). Yusuf al-Qaradawi (1999) pula membuat rumusan seperti berikut:

Oleh kerana itu saya berpendapat bahawa keumuman ayat-ayat dan hadis-hadis harus diperhatikan dan diterima sebagai adanya, selama tidak terdapat dalil lain yang benar dan tegas menunjukkan ia berlaku khusus, bila terjadi demikian barulah kita boleh mendahulukan yang khusus daripada yang umum

Kedua ialah prinsip keadilan - golongan kaya diwajibkan membayar zakat, manakala golongan miskin tidak diwajibkan zakat. Dengan kata lain, kekayaan daripada golongan berada perlu diagihkan kepada golongan tidak berada atau miskin. Hal ini seperti dilaporkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah SAW memberi peringatan ketika mengutuskan Muadh b. Jabal ke Yaman. Beliau berpesan yang bermaksud:

Allah memfardhukan kepada mereka menunaikan zakat pada harta mereka. Harta itu diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin dalam kalangan mereka"

(al-Bukhari No. 478).

Seorang cendekiawan fiqh zakat berpendapat bahawa sekiranya MBB boleh dinilai dan memenuhi ciri-ciri harta, maka ia boleh diwajibkan zakat. Seorang cendekiawan perakaunan zakat menegaskan MBB

mempunyai nilai dan boleh dinilai dalam bentuk wang. Justeru, MBB sepatutnya dikenakan zakat. Beliau antara lain menyebut:

Setuju sekiranya MBB ditaksirkan dalam perakaunan zakat. MBB merupakan satu kemudahan yang disediakan oleh majikan kepada pekerjaannya”.

Allah SWT telah memberi peringatan kepada golongan kaya seperti firman-Nya yang bermaksud:

Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian

(al-Dhariyat 51: 19)

Apatah lagi pendapatan dalam bentuk kewangan digunakan untuk mendapatkan manfaat seperti untuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan. Jika tidak digunakan untuk mendapat semua manfaat tersebut, maka pendapatan penggajian itu akan disimpan ataupun dilaburkan ataupun kedua-duanya sekali. Oleh yang demikian, seorang cendekiawan fiqh zakat menegaskan bahawa berdasarkan prinsip keadilan, maka adalah tidak munasabah pekerja yang menerima pendapatan penggajian dalam bentuk manfaat dikecualikan zakat, sedangkan pekerja yang menerima pendapatan dalam bentuk wang diwajibkan zakat.

Ketiga, berdasarkan prinsip *al-Maqasid Syariah*. Ulama *usul fiqh* telah mentakrifkan *maqasid al-Syariah* sebagai objektif yang dikehendaki Syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi kemaslahatan umat manusia. Dengan kata lain, *maqasid al-Syariah* bermaksud objektif yang dikehendaki oleh Syarak melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah.

Seorang cendekiawan fiqh zakat berpendapat bahawa objektif utama zakat ialah untuk membersihkan dan menyucikan kekayaan serta akhlak pihak *muzakki* iaitu pembayar zakat. Hal ini disebut oleh Allah dalam surah al-Taubah ayat 103. Beliau antara lain mengatakan:

Saya berpendapat objektif zakat ialah seperti firman Allah - Ambillah zakat daripada sebahagian harta (*amwal*) mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka, dan mendoakan untuk mereka - yang lain seperti mengatasi kemiskinan dan mewujudkan keadilan sosio ekonomi merupakan kesan daripada pengagihan zakat

Di samping itu, dalam MBB yang diterima itu ada hak golongan asnaf yang perlu ditunaikan. Malah seorang lagi cendekiawan fiqh zakat merumuskan isu MBB ini seperti berikut:

Jika majikan telah menyediakan semua keperluan pekerjaannya, maka apa-apa pendapatan dalam bentuk wang yang diterima itu tidak akan belanjakan. Wang itu akan disimpan ataupun dilaburkan. Oleh itu, jika wang tunai sahaja yang diwajibkan zakat, maka itu amat tidak adil kepada pekerja lain yang menerima semua pendapatannya dalam bentuk wang tunai dan diwajibkan zakat

Namun, cendekiawan fiqh zakat membangkitkan antara syarat harta atau pendapatan yang diwajibkan zakat ialah hak milik sempurna. Dalam hal MBB, harta tersebut adalah hak milik majikan, manakala manfaat sahaja yang menjadi milikan pekerja. Beliau merumuskan seperti berikut:

Syarat bagi pendapatan yang boleh dikenakan zakat antaranya ialah *al-mulk al-tam* iaitu milikan sempurna. Maksudnya, hanya pendapatan wang atau pendapatan berbentuk harta yang diterima oleh seseorang pekerja yang menjadi milik sempurna beliau sahaja boleh dikenakan zakat pendapatan

Ini bermaksud dengan mempunyai hak milik sempurna, maka pemiliknya bukan sahaja mempunyai hak terhadap harta tersebut tetapi juga mempunyai kuasa untuk menguruskan harta berkenaan. Dalam kes MBB, pemilik mempunyai hak milik sempurna terhadap manfaat harta yang disediakan, manakala harta tersebut adalah menjadi hak milik majikan. Persoalannya, apakah manfaat yang dinikmati adalah harta kerana harta itu sendiri tidak menjadi harta apabila tidak mempunyai manfaat? Persoalan ini memerlukan kajian mendalam yang melibatkan pelbagai pihak, khususnya pihak Majlis Agama Islam Negeri sendiri.

Zakat terhadap MBB perlu diambil perhatian oleh masyarakat. MBB adalah sebahagian daripada pendapatan penggajian. Perbincangan secara berterusan berdasarkan tiga prinsip berikut diperlukan. Pertama, prinsip kekayaan. Setiap kekayaan adalah diwajibkan zakat (al-Baqarah 2: 267). Kedua, prinsip keadilan. Prinsip keadilan diperlukan supaya agihan harta itu dapat diambil daripada orang kaya diberikan kepada orang miskin dalam kalangan mereka dapat dilaksanakan (al-Bukhari, No. 478). Ketiga, prinsip *maqasid al-syariah* atau objektif zakat. Tujuannya untuk membersihkan serta menyucikan kekayaan dan akhlak orang Islam dapat direalisasikan (al-Taubah 9: 103).

ZAKAT TERHADAP PENDAPATAN PERTANIAN KOMERSIAL

Manual Pengurusan Pengiraan Zakat turut menjelaskan bahawa perakaunan zakat pertanian,

khususnya padi adalah berasaskan hasil bersih setelah menolak kos tanaman padi. Terdapat empat jenis kos tanaman yang dibenarkan ditolak. Pertama, kos baja dan racun; kedua, kos sewa jika berkaitan; ketiga, kos upah tenaga kerja dan penuaian; dan yang keempat, kos pengangkutan yang terlibat (JAWHAR 2008).

Namun kebanyakan negeri tidak menjadikan manual tersebut sebagai panduan. Mufti negeri Selangor misalnya selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak telah membuat fatwa pada 22 Mei 2001 bahawa kadar zakat padi kepada 5 peratus dan dikenakan terhadap hasil kasar. Hal ini kerana dalam penanaman padi, para petani perlu mengeluarkan kos yang tinggi termasuk perkhidmatan air dan jentera untuk mendapat hasil yang baik dan lumayan.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada 2 Jun 1990 turut berpendapat tanah-tanah yang mendapat siraman air daripada parit-parit dan tali air, maka kadar zakatnya adalah 10 peratus tidak bersusah payah dan tidak pula berhajat kepada apa-apa tenaga untuk mendapatkan air. Manakala cukai tali air yang dibayar adalah pada kadar yang tidak membebankan dan dengan itu tidak mengubah kadar zakat yang ditetapkan itu. Keputusan yang sama dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang mengenakan zakat terhadap hasil kasar padi yang diperolehi tanpa ditolak kos sewa jentera pembajak, racun dan sebagainya seperti yang diputuskan pada 1 Januari 1970. Kaedah yang sama juga turut diamalkan di negeri Kelantan.

Bagi negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis, kadar zakatnya ditentukan berasaskan kaedah diusahakan dan sumber air. Bagi padi yang diusahakan dengan menggunakan tenaga manusia atau lain-lain seperti binatang, jentera atau perbelanjaan yang banyak, maka zakat dikenakan pada kadar 5 peratus. Jika sekadar menggunakan sumber air hujan atau air sungai, maka zakat dikenakan pada kadar 10 peratus. Antara kos yang dibenarkan ditolak di negeri Sarawak adalah kos baja, racun, sewaan, upahan, tenaga kerja, penuaian dan kos pengangkutan. Jika nilai jualan padi pada musim pertama kurang daripada nisab, maka hendaklah dicampurkan ke musim kedua dalam tahun yang sama.

Kaedah yang sama turut diamalkan di Pulau Pinang. Namun, zakat dikenakan pada kadar 10 peratus ke atas nilai bersih selepas ditolak kos baja, racun, sewaan, upahan tenaga kerja dan

pengangkutan. Bagi negeri Perlis dan Pulau Pinang, kos sara hidup turut dibenarkan ditolak daripada hasil pertanian.

Persoalannya ialah, bagi taksiran zakat pendapatan, kos sara hidup dibenarkan ditolak daripada pendapatan kasar. Walhal pada masa yang sama kos tanaman untuk pertanian termasuklah pertanian komersial semakin mahal dan meningkat. Malah risiko dalam pertanian komersial cukup tinggi. Berikutan dengan itu, pandangan daripada pegawai pertanian dan cendekiawan zakat di Malaysia telah diteroka (Zahri Hamat 2014). Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, tiga orang Pegawai Pertanian dari Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Kelantan. Kedua, tiga orang cendekiawan yang mengkaji tentang fiqh zakat khususnya zakat pertanian di Malaysia.

Dapatan kajian mempamerkan bahawa mereka sepakat berpendapat bahawa kos pertanian atau tanaman perlu ditolak daripada hasil kasar yang diperolehi. Antara alasan yang dikemukakan oleh Pegawai Pertanian dari Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) adalah seperti berikut:

Saya berpendapat kos tanaman perlu ditolak kerana tiga sebab. Pertama, usahawan padi memerlukan modal yang besar untuk setiap musim. Kedua, kos ini semakin meningkat dari semasa ke semasa terutamanya untuk kos input pertanian seperti benih, baja dan racun. Ketiga, dalam mengusahakan tanaman padi secara komersial ini, usahawan terpaksa mengambil risiko jika berlakunya bencana alam seperti banjir ataupun kemarau.

Kenyataan ini turut disokong oleh Pegawai Pertanian dari Jabatan Pertanian Kelantan yang menyatakan seperti berikut:

Hal ini disebabkan peningkatan kos yang agak besar dalam mendapatkan bahan input seperti biji benih, baja dan racun sememangnya akan membebankan para usahawan padi. Lebih pada itu, kos guna tenaga juga turut meningkat dari semasa ke semasa. Kos guna tenaga ini sangat penting dalam proses penanaman padi untuk mendapatkan hasil yang banyak atau boleh mendatangkan keuntungan.

Sehubungan itu, seorang lagi Pegawai Pertanian dari Jabatan Pertanian Kelantan menambah dengan menyatakan:

alangkah baiknya jika kos tanaman atau pengeluaran ini ditolak terlebih dahulu. Hal ini membolehkan para petani atau usahawan tidak terbeban dengan peningkatan kos yang semakin tinggi pada hari ini.

Dalam isu ini, pihak usahawan padi turut bersetuju dengan penolakan kos tanaman ini dengan

menyatakan kos tanaman yang semakin meningkat dari masa ke semasa akan menjadi beban kepada usahawan padi yang menjalankan penanaman secara komersial ini (Zahri Hamat 2014).

Bagi melihat pendapat yang dikemukakan Pegawai Pertanian ini dari perspektif fiqh, penyelidik turut mengadakan temu bual mendalam terhadap cendekiawan zakat bagi mendapatkan pandangan berhubung dengan penolakan kos tanaman khususnya dalam membuat taksiran terhadap zakat padi ini. Seorang cendekiawan berpandangan seperti berikut:

Kos tanaman sepatutnya ditolak terlebih dahulu dengan alasan berlakunya perubahan dalam proses penanaman padi iaitu daripada pertanian yang diusahakan secara tradisional ke pertanian yang moden pada skala yang besar. Selain itu modal yang diperlukan turut bertambah pada masa kini.

Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa dapatan daripada kajian beliau mempamerkan bahawa petani padi turut berpendapat sedemikian. Antara lain beliau menyebut:

Dapatan kajian saya juga menunjukkan majoriti responden bersetuju menolak kos tanaman ini. Hal ini juga turut dinyatakan oleh 'ulama-'ulama terdahulu seperti yang diriwayatkan oleh Abu 'Ubayd.

Perbincangan terhadap tolakan kos tanaman ini juga turut disokong oleh seorang cendekiawan lagi sebagaimana berikut:

Pada pendapat saya, kos tanaman sepatutnya ditolak terlebih dahulu kerana kos yang terlibat semakin hari semakin meningkat serta perbelanjaan yang besar terhadap input-input tanaman pada hari ini.

Selain daripada alasan kos semakin meningkat, petani turut menghadapi risiko yang tinggi di mana antara lain beliau menyebut seperti berikut:

Bebanan yang dihadapi oleh petani pada hari ini adalah semakin meningkat dan menghadapi risiko yang tinggi apabila menjalankan penanaman padi secara besar-besaran.

Lebih daripada itu, seorang lagi cendekiawan zakat berpandangan seperti berikut:

Bagi saya, kos tanaman sepatutnya ditolak sekiranya petani itu mengeluarkan modal untuk membeli sendiri input-input pertanian yang diperlukan. Hal ini membolehkan petani menolak kos itu terlebih dahulu supaya tidak membebankan mereka.

Seterusnya beliau berhujah bahawa hal yang dibincangkan ini adalah sesuatu hukum yang

berasaskan ijtihad. Ia banyak dipengaruhi oleh faktor semasa dan keadaan setempat. Beliau berhujah seperti berikut:

Penolakan kos tanaman ini adalah suatu perkara *ijtihadi* yang boleh dibahaskan bergantung pada masa dan tempatnya.

Isu kos tanaman telah bahaskan secara mendalam oleh ulama klasik dan ulama kontemporari. Antara yang membenarkan penolakan kos untuk zakat pertanian adalah Abu 'Ubayd (1981) dan Sayyid Sabiq (2009). Bagi ulama kontemporari pula seperti Muhammad Kamal 'Atiyah (1988), Husayn Syahatah (2001) dan Yusuf al-Qaradawi (1999).

Menurut Abu 'Ubayd (1981), kos yang melibatkan pertanian boleh ditolak daripada hasil tuaian kerana kos tanaman ini satu bebanan yang ditanggung oleh petani. Pendapat ini berdasarkan satu peristiwa daripada Jabir Ibn Zayd datangnya seorang lelaki bertanya kepada Ibn Umar r.a dan Ibn 'Abbas r.a tentang perbelanjaan untuk pertanian yang dilakukan, maka Ibn Umar dan Ibn 'Abbas r.a membenarkan penolakan kos tanaman terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat. Athar tersebut yang bermaksud:

Daripada Jabir Ibn Zayd dari Ibn 'Abbas dan Ibn 'Umar pada seseorang yang berhutang untuk membelanjakan untuk pertaniannya dan ke atas ahli keluarganya. Berkata: Ibn 'Umar tunaikanlah dahulu segala hutang untuk pertanian dan keluarganya, dan selebihnya dikeluarkan zakat. Dan berkata: Ibn 'Abbas bahawa lelaki itu boleh menunaikan hutangnya ke atas pertanian, kemudian dikeluarkan zakat

(Abu 'Ubayd, No. 1545)

Berdasarkan athar dari Jabir Ibn Zayd (Abu 'Ubayd, No. 1545) dapat dijelaskan bahawa Ibn 'Abbas r.a dan Ibn Umar r.a bersependapat bahawa pengeluaran bagi kos pertanian dibenarkan untuk ditolak dari sudut bebanan yang ditanggung dalam mengusahakan pertanian. Apabila terdapat lebih daripada kos tanaman barulah dikenakan zakat pertanian (Sayyid Sabiq 2009).

Menurut Yusuf al-Qaradawi (1999), Ahmad Ibn Hanbal membenarkan kos tanaman ditolak kerana kos ini adalah bebanan dalam pertanian. Hal ini dinyatakan secara jelas yang bermaksud;

Daripada Ahmad Ibn Hanbal: Sesiapa yang memerlukan perbelanjaan ke atas tanamannya, dan perbelanjaan ke atas keluarganya, maka buatlah taksiran ke atas perbelanjaan pertaniannya dan bukan ke atas perbelanjaan keluarganya; kerana sebahagian dari bebanan yang ditanggung dalam pertanian

(al-Qaradawi 1999)

Menurut Muhammad Kamal 'Atiyah (1988) dan Husayn Syahatah (2001) mempunyai persamaan dalam membenarkan penolakan kos tanaman berdasarkan kepada kaedah perakaunan zakat pertanian. Antara perkara penting yang dimasukkan adalah kos perbelanjaan untuk pertanian, pendapat mereka tidak terikat dengan kaedah zakat pertanian silam yang mengambil kira pengairan malah melihat kepada jentera, dan peralatan yang digunakan untuk pertanian.

Perkarainidisepakati oleh *al-Hay'atal-Syar' iyyat al-'Alamiyat Li al-Zakat* (Pertubuhan Syariah Zakat Sedunia) berfatwa bahawa membenarkan penolakan kos yang melibatkan perbelanjaan pertanian tanpa membenarkan penolakan perbelanjaan untuk petani dan tanggungannya. Dinyatakan seperti berikut:

Daripada fatwa Organisasi Antarabangsa Syariah Zakat - potongan peruntukan dan perbelanjaan dalam pertanian tanpa penolakan peruntukan individu

(Husayn Syahatah 2014)

Berdasarkan pendapat para ulama yang membenarkan penolakan kos tanaman dapat disimpulkan bahawa kos tanaman dibenarkan ditolak daripada hasil kasar pertanian. Pendapat ini adalah konsisten dengan pendapat *Athar* yang diriwayatkan oleh Jabir Ibn Zayd bahawa Ibn Umar r.a dan Ibn 'Abbas r.a yang membenarkan penolakan hutang atau perbelanjaan terhadap pertanian, kemudian lebih daripada hasil pertanian dikeluarkan zakat.

Dua kesimpulan boleh diperolehi daripada perbincangan di atas. Pertama, berdasarkan hujah daripada Al-Quran, pandangan Ibn 'Umar, Abu 'Ubayd dan amalan di Malaysia. Perakaunan zakat pendapatan di Malaysia adalah adil dan munasabah. Hal ini kerana Malaysia membenarkan potongan kos perladangan dan kos sara hidup daripada pendapatan kasar padi. Kedua, perakaunan zakat ke atas pendapatan pertanian hendaklah membenarkan potongan kos perladangan. Ini kerana kini sebahagian besar projek pertanian dilakukan secara komersial. Kesan tidak membenarkan potongan kos ini mungkin akan menjejaskan transformasi petani daripada menjadi penerima zakat kepada pembayar zakat, terutamanya semasa kesusahan seperti bencana alam.

ZAKAT TERHADAP PELABURAN SAHAM

Manual Pengurusan Pengiraan Zakat menyebut, saham dipegang untuk dua maksud. Pertama

untuk maksud pelaburan; dan kedua untuk maksud perniagaan. Oleh itu, perakaunan zakat saham boleh dibuat melalui dua kaedah. Pertama, saham yang masih dimiliki selepas cukup haul dikenakan zakat pada kadar 2.5 peratus atas harga terendah antara harga pasaran dan harga belian. Kedua, saham yang dijual beli sepanjang haul dikenakan zakat pada kadar 2.5 peratus atas nilai jualan saham setelah ditolak kos pembelian saham-saham tersebut (JAWHAR 2008).

Dari segi fatwa, Pulau Pinang adalah negeri terawal yang mengeluarkan fatwa tentang zakat saham iaitu pada 21 September 1983. Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) bahawa zakat dikenakan ke atas modal dan keuntungan yang diterimanya setelah cukup nisab dan haul (Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, 1983). Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka pada 2009 turut mewartakan kaedah perakaunan zakat saham untuk diamalkan di negeri tersebut. Secara umumnya, kaedah perakaunan zakat saham yang diputuskan adalah sebagaimana yang disarankan oleh JAWHAR (Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka 2009).

Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis pada 11 Mei 1988 pula memutuskan saham patuh Syariah diwajibkan zakat apabila telah mencukupi nisab dan haulnya sebagaimana zakat ke atas perniagaan. (Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, 1988). Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 31 Mac 2011 turut memutuskan bahawa zakat yang dilaburkan di pasaran modal di *qiyaskan* kepada barangan perniagaan tanpa mengira tujuan pelaburan sama ada untuk diniagakan atau disimpan.

Perlis mengeluarkan fatwa tentang zakat saham pada 11 Mei 1988 menerusi Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Negeri Perlis memfatwakan saham yang patuh Syariah diwajibkan zakat sebagaimana zakat perniagaan (Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, 1988). Bagaimanapun, kaedah pelaksanaan perakaunan zakat saham tidak dijelaskan secara detail. Begitu juga fatwa negeri Melaka dan Terengganu tidak menjelaskannya tentang pengiraan zakat saham. Fatwa yang diwartakan oleh negeri Melaka pula adalah seperti apa yang disarankan oleh JAWHAR. Namun kelonggaran diberikan pemegang saham boleh menggunakan harga saham pada akhir haul jika pemegang saham sukar menentukan harga terendah antara harga pasaran dan harga belian (Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka 2009).

Selangor pula adalah negeri terakhir mengeluarkan fatwa mengenai kaedah taksiran zakat saham. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telahewartakan kaedah tersebut pada 31 Mac 2011. Fatwa negeri Selangor kelihatan lebih detail tentang kaedah perakaunan zakat saham. Misalnya, syarat-syarat wajib zakat saham dan dalil-dalil kewajipan zakat saham turut dijelaskan dalam fatwa tersebut (Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor 2011). Bagaimanapun, fatwa yang diputuskan banyak tertumpu kepada saham yang ditawarkan di bursa saham.

Sebahagian daripada negeri-negeri di Malaysia membezakan kaedah perakaunan zakat saham berdasarkan tujuan atau niat pegangan atau pemilikan saham tersebut. Sebahagian lagi pula tidak membezakan niat pegangan saham dalam menentukan kaedah perakaunan zakat saham. Persolannya ialah apakah niat faktor pegangan saham penting dalam penentuan kaedah perakaunan zakat saham?

Untuk mendapat pandangan terhadap persoalan tersebut, seramai lima orang cendekiawan di Malaysia telah ditemubual (Zahri Hamat 2017; Zahri Hamat, Wan Anisah Endut & Mohd Shukri Hanapi 2017). Mereka ialah pertama, dua orang mufti yang pro aktif dalam menyatakan pandangan di Malaysia. Kedua, seorang Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Ketiga, seorang Profesor dalam bidang perbankan dan ekonomi kewangan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Keempat, seorang Profesor Madya merupakan Pengarah Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kelima, seorang Profesor dalam bidang Ekonomi dan Muamalat.

Dapatan temu bual terhadap lima orang cendekiawan di Malaysia mempamerkan niat pegangan saham boleh mempengaruhi kaedah perakaunan zakat saham. Hal ini kerana mereka berpendapat, niat memainkan peranan penting dalam menentukan hukum. Ini bersandar kepada salah satu kaedah *fiqh* iaitu *al-umur bi maqasidiha*. Amalan seseorang akan memberi kesan hukum yang berbeza disebabkan perbezaan niat. Kaedah yang sama terpakai bagi kaedah perakaunan zakat saham. Antara lain beliau menyebut:

sebab niat menjadi garis penentu kepada berlakunya sesuatu hukum. ...peranan niat adalah menentukan hukum sesuatu perkara iaitu kaedah *al-umur bi maqasidiha*. Sesuatu perkara itu akan menjadi urus niaga perniagaan jika ada niat perniagaan dan zakatnya mestilah berdasarkan kepada apa yang dia niatkan. Maka niat menjadi penentu sesuatu hukum itu dilaksanakan.

Pendapat tersebut disokong seorang cendekiawan lain. Antara lain beliau menyebut, niat seseorang memiliki atau memegang saham akan memberi implikasi kepada kaedah taksiran zakat. Saham yang diniat untuk diurusniagakan misalnya ditaksirkan sebagaimana zakat perniagaan. Jika sebaliknya saham yang tidak diniat untuk diurusniagakan, tidak ditaksirkan sebagai zakat perniagaan. Beliau menerangkan seperti berikut:

saham adalah untuk diurusniagakan dan tak diurusniagakan yakni disimpan. ...Jika dia memang niat pada masa itu untuk perniagaan, maka kita kira macam zakat perniagaan, jika tidak, maka tidak bolehlah kata zakat perniagaan.

Dalam pada itu, seorang cendekiawan lagi melihat dari sudut matlamat pegangan harta dan mengaitkannya dengan kaedah taksiran zakat saham. Beliau menjelaskan seperti berikut:

Dalam kes ini, tujuan pelabur adalah penting. ...maka, kaedah yang dibangunkan nanti adalah berdasarkan tersebut. Saya tidak pasti kaedah taksirannya, cuma jika *diiyaskan* kepada barangan perniagaan. *Method* yang dipakai sama sebagaimana zakat barangan perniagaan. *Qiyas* zakat simpanan, *method* yang digunakan sama sebagaimana zakat simpanan.

Sementara itu, seorang cendekiawan lagi membuat perbandingan peranan niat dalam taksiran zakat saham dengan membuat perbandingan dengan zakat emas. Menurut beliau, jika emas bertujuan perhiasan, maka emas tersebut tidak dikenakan zakat. Sebaliknya, jika emas untuk disimpan, maka emas tersebut dikenakan zakat. Dengan kata lain, beliau menyebut:

taksiran zakat harus dibezakan berdasarkan tujuan atau niat pembelian saham. Kaedahnya pula sebagaimana apa (bentuk harta) yang *diiyaskan*. Kalau *qiyas* kepada perniagaan, cara kiranya juga macam perniagaan.

Beliau turut menegur kaedah taksiran zakat terhadap beberapa bentuk harta pada masa kini yang tidak konsisten. Beliau dengan itu mencadangkan kaedah perakaunan zakat saham seperti berikut:

Bukan seperti sekarang, bagi sesetengah sumber harta yang *qiyas* kepada zakat pertanian, cara kiraan zakat pertanian tetapi kadar 2.5 peratus. Macam zakat pendapatan, ...pada saya, jika sesuatu sumber harta *diiyaskan* kepada sumber harta yang ada pada masa Rasulullah SAW, maka kaedah pengiraan haul, nisab dan kadarnya mesti berdasarkan kepada sumber asal tersebut. Bagi saham yang niatnya untuk dapat dividen tahunan bukan dijual beli saya lebih melihat *diiyaskan* kepada zakat hasil pertanian. Zakat kena atas dividen 10 peratus. Kira macam zakat pertanian. Kena atas dividen. Tidak ada syarat haul. Kaedah ini lebih menguntungkan pihak *asnaf*.

Dengan itu, seorang cendekiawan lain merumuskan kaedah perakaunan zakat saham ini seperti berikut:

kaedah perakaunan zakat harus dibezakan berdasarkan tujuan atau niat pembelian sesuatu saham.

Dapatan kajian jelas mempamerkan bahawa niat pegangan sesuatu saham mempengaruhi kaedah perakaunan zakat saham. Dengan itu, anggapan semua saham dipegang untuk tujuan perniagaan adalah tidak munasabah. Begitu juga anggapan semua saham dipegang untuk tujuan pelaburan atau simpanan. Hal ini kerana bukan semua saham dipegang dengan niat bagi mendapat keuntungan tahunan semata-mata. Begitulah sebaliknya bukan semua saham dipegang dengan niat untuk perniagaan sahaja.

Dengan demikian, kerangka perakaunan zakat harta yang dibentuk Muhammad Kamal Atiyah (1995) berasaskan kategori harta amat sesuai dipakai. Beliau membahagikan harta kepada dua kategori iaitu pertama ialah harta tetap; dan kedua ialah harta berubah. Harta tetap ialah harta yang digunakan untuk mendapat manfaat daripadanya secara berterusan. Zakat ke atas harta tetap ini dikenakan terhadap pendapatan daripada harta tersebut pada kadar lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus. Harta berubah pula ialah harta yang mudah dipindah atau diubah-ubah seperti barangan perniagaan atau harta lain yang mudah ditukar kepada tunai. Zakat ke atas harta berubah ini dikenakan terhadap harta dan pendapatan daripada harta tersebut pada kadar 2.5 peratus.

Bagi kekayaan baru ditemui, menurut Muhammad Kamal Atiyah (1995) harta tersebut akan dikategorikan sama ada sebagai harta tetap atau harta berubah. Kaedah perakaunan zakatnya bergantung kepada kategori harta tersebut. Kategori harta oleh Muhammad Kamal Atiyah (1995) ini selari dengan garis panduan oleh badan-badan perakaunan seperti MASB dan AAI OFI dalam standard pelaporan kewangan badan masing-masing. Oleh sebab itu, kaedah perakaunan zakat berasaskan adalah sesuai untuk diamalkan dalam realiti kini.

Dengan mengambil kira pendapat cendekiawan zakat dan kerangka perakaunan zakat yang dibentuk oleh Muhammad Kamal Atiyah (1995), maka kaedah perakaunan zakat saham akan dipengaruhi oleh niat sama ada bagi tujuan pemegangan sesuatu saham. Jika saham diurusniagakan, maka saham tersebut dikategorikan sebagai harta berubah. Kaedah perakaunan zakatnya adalah berdasarkan nilai saham dan keuntungan. Jika saham tidak

diurusniagakan, maka saham tersebut dikategorikan sebagai harta tetap. Kaedah perakaunan zakatnya adalah berdasarkan keuntungan atau dividen tahunan sahaja. Namun, kedua-dua kategori ini boleh berubah mengikut perubahan niat pegangan saham.

Berdasarkan perbincangan di atas, kaedah perakaunan zakat saham terbahagi kepada dua. Pertama, perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan dan kedua, saham tidak diurusniagakan. Kaedah perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan adalah berdasarkan nilai saham dan keuntungan. Kaedah perakaunan zakat bagi saham yang tidak diurusniagakan pula adalah berdasarkan keuntungan atau dividen tahunan sahaja. JAWHAR sebagai agensi penyelarasan di peringkat persekutuan perlulah mengambil kira maksud pemegangan saham dalam membentuk kaedah perakaunan zakat saham. Hal ini kerana maksud dan niat pemegangan zakat itu sendiri merupakan faktor penting dalam menentukan perakaunan zakat saham.

KESIMPULAN

Pengurusan zakat di Malaysia perlu membuat beberapa perubahan yang wajar terhadap kelestarian perakaunan zakat dari semasa ke semasa. Perubahan ini begitu penting terhadap zakat pendapatan, zakat pertanian dan zakat perniagaan. Para cendekiawan zakat di Malaysia berpendapat bahawa perubahan ini dapat direalisasikan kerana asas-asas yang umum digunakan dalam pembentukan perakaunan zakat pendapatan, zakat pertanian dan zakat perniagaan. Mereka berpendapat bahawa perakaunan zakat boleh diubah suai mengikut keperluan semasa dan keadaan tempatan. Perubahan ini boleh dilakukan menggunakan qiyas. Oleh itu, institusi zakat dan cendekiawan zakat wajar bekerjasama secara berterusan. Kerjasama ini bagi memastikan perakaunan zakat yang lestari boleh direalisasikan pada setiap masa dengan mengambil kira keperluan semasa dan keadaan setempat.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) di bawah projek bertajuk, 'Pembentukan Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia' yang bernombor FRGS/1/2018/SS06/UKM/03/3.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2004. *Sunan Abi Dawud. Tahqiq: Nasr al-Din al-Bani*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Ubayd al-Qasim Salam. 1991. *Terj. Noor Mohammad Ghaffari. Kitab al-Amwal*. Islamabad: Pakistan Hijra Council.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Kamal Atiyah. 1995. *Terj. Mohd. Nor Ngah Halat Tatbiqiyah fi Muhasabat al-Zakat (Perakunan zakat: Terori dan Praktis)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof al-Qaradawi. 1999. *Fiqh Az-zakat: A Comparative Study; the Rules, Regulations and Philosophy of Zakat in the Light of the Qur'an and Sunna*. Dar Al Taqwa.
- Zahri Hamat. 2014. Zakah Assessment for Agricultural in Malaysia: Rules, Fatawa, and Practices. *Journal of Educational and Social Research* 4(2): 110 - 116.
- Zahri Hamat. 2014. Sustainable zakat accounting in Malaysia: An analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5(19): 139 - 146.
- Zahri Hamat & Nurul Ilyana Muhd Adnan. 2017. Perakaunan zakat terhadap manfaat berupa barangan di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law* 2(2): 24 - 35.
- Zahri Hamat, Radin Firdaus Radin Badaruddin & Mohamad Shahrudin Samsurijan. 2017. Benefit in kind: Should it be exempted from zakat? *Ulum Islamiyyah* 22: 1 - 10.
- Zahri Hamat, Wan Anisah Endut & Mohd Shukri Hanapi. 2017. Shares zakah accounting in Malaysia: Fatawa, manual and practices. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(2): 812 - 824.
- Zahri Hamat. 2017. Zakah Accounting for Stocks in Malaysia: An Accountant's Perspective, a paper presented at *International Congress on Political, Economic and Social Studies (ICPESS) 2017*, organized by International University of Sarajevo and the Centre for Political, Economic and Social Research (PESA) Sarajevo-Bosnia, 19 - 22 May.

Zahri Hamat
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
University College Bestari
zahri@ucbestari.edu.my

Noor Izzati Ab Rahman
School of Accounting, Finance and Quantitative Studies,
Asia Pacific University of Technology and Innovation,
Kuala Lumpur,
Malaysia
noor.izzati@apu.edu.my

Nurul Ilyana Muhd Adnan
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bangi,
Malaysia.
ilyana_adnan@ukm.edu.my

Azlin Alisa Ahmad
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bangi,
Malaysia.
azlinalisa@ukm.edu.my